



31 JUL, 2021

Cari jalan hantar durian ke Selangor

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Cari jalan hantar durian ke Selangor

FAMA Perak mohon dapatkan pelepasan khas pasarkan durian ke negeri dikenakan PKPD

Oleh NORMAWATI ADNAN

BAGAN SERAI

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak dalam permohonan untuk mendapatkan pelepasan khas bagi membawa keluar hasil durian dari lokaliti yang dikenakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, langkah itu perlu bagi mengelakkan masalah lambakan durian yang baru masuk ke lapisan kedua musim buah di negeri ini.

Menurutnya, dalam tempoh

dua minggu ini, FAMA berdepan sedikit kesukaran untuk memasarkan hasil durian secara penuh kerana sebahagian besar lokasi pasaran seperti Selangor tidak dibenarkan masuk.

"Sekarang musim durian di Perak tetapi sebab PKPD pemasaran kita jadi tersekat dan terhad.

"Hasil durian boleh dibawa keluar dari sini tetapi bila di sana, kawasannya tutup jadi sebab itu berlaku lambakan buah.

"Kita telah berhubung dengan pegawai daerah dan polis untuk proses mencari jalan mendapatkan pelepasan bagi memudahkan pergerakan pemasaran durian ke negeri-negeri yang dikenakan sekatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada penyerahan 350 pek durian secara percuma sempena program tanggungjawab sosial korporat (CSR) FAMA di Titi Bina Padang Balang dekat sini pada Jumaat.



Noorsham (kiri) bersama Razman (tiga, kiri) mengagihkan pek durian percuma sempena program CSR FAMA di Titi Bina Padang Lalang pada Jumaat.

Hadir sama, Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP), Yahanis Yahya.

Noorsham berkata, ber-

banding negeri lain, hasil durian di Perak terutama di kawasan pengeluar seperti Batu Kurau, Tapah, Kuala Kangsar dan Kampung Gajah akan meningkat kerana musim buah itu hanya berakhir pada Oktober depan.

Justeru katanya, FAMA

menggalakkan pengusaha durian mempelbagaikan produk berasaskan durian seperti tempoyak bagi mengurangkan impak lambakan.

"Kena cari alternatif lain seperti dijadikan tempoyak dan dibekukan.

"Apabila dapat pelepasan PKPD, FAMA boleh beli untuk dipasarkan," katanya.

Dalam perkembangan sama beliau berkata, sepanjang musim durian tahun ini, FAMA telah membeli lebih 30 tan hasil durian dari pekebun-pekebun yang berdepan masalah lambakan di seluruh negeri.

"Hasil durian yang dibeli itu dihantar ke pusat operasi dengan sebahagiannya diproses dan dibungkus bagi tujuan CSR," katanya.

Pada Khamis, media melaporkan kerajaan negeri melalui PPPNP memperuntukkan RM300,000 kepada FAMA bagi membantu menangani lambakan durian di negeri ini.



31 JUL, 2021

Cari jalan hantar durian ke Selangor

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

FAMA Perak mohon dapatkan pelepasan khas pasarkan durian ke negeri dikenakan PKPD

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak dalam permohonan untuk mendapatkan pelepasan khas bagi membawa keluar hasil durian dari lokaliti yang dikenakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, langkah itu perlu bagi mengelakkan masalah lambakan durian yang baru masuk ke lapisan kedua musim buah di negeri ini.